



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-225 BIL. 32/ 2026

**PELAKSANAAN PENGANJURAN AKTIVITI PELAJAR SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA HIBRID
SESI AKADEMIK 2026/2027**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

TUJUAN

Pemakluman ini bertujuan memaklumkan tatacara pelaksanaan penganjuran aktiviti pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid bagi Sesi Akademik 2026/2027.

LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pengumuman Rasmi Bilangan 4 Tahun 2026 oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Akademik dan Antarabangsa) berhubung pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid, universiti telah menetapkan hari tertentu bagi pelaksanaan sesi PdP secara dalam talian sebagai menyokong langkah kesiapsiagaan kerajaan serta pengoptimuman penggunaan sumber universiti.

Sehubungan itu, pengurusan aktiviti pelajar juga perlu diselaraskan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan akademik dan penggunaan fasiliti universiti.

KETETAPAN PELAKSANAAN

Bagi memastikan pengurusan aktiviti pelajar dilaksanakan secara lebih teratur dan sistematik, ketetapan berikut hendaklah dipatuhi:

- i. **Semua cadangan program dan aktiviti pelajar** hendaklah mengambil kira **jadual rasmi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Universiti yang sedang berkuat kuasa.**
- ii. Aktiviti yang melibatkan penggunaan fasiliti dan utiliti universiti pada hari yang ditetapkan sebagai **sesi PdP secara dalam talian** hendaklah **diminimumkan.**
- iii. **Mesyuarat, perbincangan, sesi taklimat, bengkel, latihan jawatankuasa dan aktiviti lain yang bersesuaian** hendaklah dilaksanakan **secara dalam talian.**
- iv. Aktiviti yang memerlukan **kehadiran fizikal** seperti sukan, kebudayaan, badan beruniform dan program lapangan **adalah dibenarkan**, dengan **syarat tidak melibatkan penggunaan fasiliti atau utiliti universiti** pada hari yang ditetapkan sebagai sesi PdP secara dalam talian.

- v. Sekiranya terdapat **keperluan** untuk menganjurkan **aktiviti secara bersemuka** yang melibatkan penggunaan fasiliti atau utiliti universiti pada hari pelaksanaan PdP secara dalam talian, penganjur hendaklah **mengemukakan justifikasi yang jelas** semasa permohonan program dikemukakan. Permohonan tersebut akan dipertimbangkan berdasarkan kepentingan program, kesesuaian pelaksanaan serta tertakluk kepada kelulusan khas pihak universiti.

TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

Setiap penganjur hendaklah:

- i. merancang tarikh program dengan mengambil kira jadual rasmi PdP Universiti;
- ii. mengoptimumkan penggunaan platform dalam talian bagi aktiviti yang bersesuaian;
- iii. memastikan penggunaan fasiliti universiti dibuat secara berhemah dan mengikut keperluan sebenar;
- iv. mematuhi semua prosedur permohonan dan kelulusan program yang sedang berkuat kuasa; dan
- v. memastikan pelaksanaan program tidak menjejaskan kelancaran proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Universiti.

KUAT KUASA

Pemakluman ini berkuat kuasa mulai **Semester I, Sesi Akademik 2026/2027** dan hendaklah terpakai sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid atau sehingga suatu pemakluman baharu dikeluarkan oleh Universiti. Walaubagaimanapun arahan pentadbiran ini turut **terpakai untuk Semester Pendek Sesi Akademik 2025/2026**.

PENUTUP

Akademi ADAB percaya bahawa kerjasama semua Majlis Perwakilan Pelajar, badan pelajar, penasihat badan pelajar serta seluruh warga pelajar akan dapat memastikan penganjuran aktiviti pelajar terus dilaksanakan secara berkualiti, berimpak tinggi dan selaras dengan aspirasi universiti, tanpa menjejaskan kelancaran pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Sebarang pertanyaan berkaitan pemakluman ini boleh dikemukakan kepada Akademi ADAB, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) melalui saluran rasmi universiti.

Kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 17 Julai 2026



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

RINGKASAN PEKELILING AKTIVITI PELAJAR

SEMASA HARI PdP DALAM TALIAN

01



Rancang program mengikut jadual rasmi PdP Universiti.

✓ RANCANG BIJAK

02



Mesyuarat, taklimat, bengkel dan aktiviti sesuai — jalankan secara dalam talian.

✓ ONLINE DULU

03



Aktiviti fizikal (seperti sukan, kebudayaan, badan beruniform, program lapangan) — boleh dijalankan.

✓ FIZIKAL BOLEH

04



Pada hari PdP dalam talian, jangan gunakan fasiliti dan utiliti universiti untuk aktiviti fizikal.

✗ JANGAN GUNA FASILITI UNIVERSITI

05



Jika perlu guna fasiliti atau utiliti universiti pada hari PdP dalam talian, mohon justifikasi dan kelulusan khas terlebih dahulu.

✓ PERLU JUSTIFIKASI & KELULUSAN



**PATUHI PANDUAN,
RANCANG BIJAK,
UNTUK PdP & AKTIVITI
YANG SEIMBANG!**



Ikut Jadual PdP
Universiti



Utamakan
Aktiviti Dalam
Talian



Aktiviti Fizikal
Boleh, Asal
Tanpa Fasiliti
Universiti



Perlu Justifikasi
& Kelulusan
Jika Guna Fasiliti